

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 15 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	NAIK TARAF FASILITI JETI, NEWS, SINAR HARIAN (SELATAN) -22 PERKASA JETI NELAYAN DARAT, NEWS, HARIAN METRO (JOHOR) -27 JETI NELAYAN JADI TARIKAN AGROPELANCONGAN, ISU, BH -16 AGRICULTURE MINISTRY TO PROMOTE MUAR RIVER AS AGRO-TOURISM HUB, THE MALYSIAN INSIGHT -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	PROMISING GROWTH FOR MILK INDUSTRY, EVENTS, STARMETRO -7	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6. 7.	PELAJAR ASASI UNIKL KENDALI AGROKIDS 4.0, GENK, KOSMO -25 IMPLIKASI SAINS DAN TEKNOLOGI DALAM KEHIDUPAN, GENK, KOSMO -26	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
8. 9.	BEKAS WARTAWAN TANAM VANILLA, MEGA AGRO, UM -28 KEBUN NANAS SUMBER REZEKI, MEGA AGRO, UM -29	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Naik taraf fasiliti jeti		
MediaTitle	Sinar Harian (Selatan)		
Date	15 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	20,000
Page No	22	Readership	60,000
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	NUR ALINA HASSAN	AdValue	RM 3,720
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,159



Naik taraf fasiliti jeti

MOA bakal pertingkat kemudahan jeti di Tangkak dan Muar

NUR ALINA HASSAN

TANGKAK

Beberapa buah jeti di Tangkak dan Muar yang dikenal pasti mempunyai potensi terhadap sektor agropelancongan bakal dinaik taraf.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, jeti nelayan di Grisek, Panchor, Bukit Kepong dan Renchong, mempunyai keunikan tersendiri iaitu kewujudan spesies udang galah yang menjadi nilai

tambah untuk menarik pelancong.

Salahuddin berkata, kementeriannya akan berbincang bersama Kementerian Pelancongan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) termasuk pejabat daerah serta kerajaan negeri untuk berkolaborasi dalam projek ini.

"Bagi saya, dah sampai masanya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mempromosikan secara besar-besaran semua jeti nelayan ini agar ia menjadi pusat agropelancongan baru.

"Aktiviti memancing udang galah di keempat-empat jeti ini adalah sangat menarik dan tak mustahil dalam tempoh terdekat, kita boleh adakan pertandingan memancing spesies ini di peringkat antarabangsa pula," katanya.

Beliau berkata demiki-

info

Jeti bakal dinaik taraf:

- Grisek
- Panchor
- Bukit Kepong
- Renchong

an ketika selepas menghadiri Pertandingan Memancing Udang Galah Peringkat Kebangsaan di Tangkak Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Sultan Johor 2019 di Jeti Nelayan Grisek di sini, semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi dan Pegawai Daerah, Mahadon Marinin.

Menurut Salahuddin, beliau akan membantu melancarkan aktiviti ternakan habitat itu termasuk



Salahuddin (empat dari kiri) melepaskan benih udang galah simbolik perasmian Pertandingan Memancing Udang Galah Peringkat Kebangsaan di Jeti Nelayan Grisek, semalam.

memantau masalah pencemaran air masin di Sungai Muar.

"Sebagai usaha mengekalkan spesies udang galah di tempat yang dinyatakan tadi, maka pihak kami akan bekerjasama dengan

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi memantau dan mengawal pencemaran sungai serta risiko yang berlaku sekiranya terjadi musim kemarau.

"Saya difahamkan terdapat lebih kurang 100 nelayan darat di Muar yang mana ada antara mereka menjadikan aktiviti penangkapan udang galah ini sebagai mata pencarian utama," katanya.

Headline	Perkasa jeti nelayan darat		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	15 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	22,187
Page No	27	Readership	66,561
Language	Malay	ArticleSize	391 cm ²
Journalist	Badrul Kamal Zakaria	AdValue	RM 11,522
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,567



HARIAN METRO

Badrul Kamal Zakaria
am@hmetro.com.my

Tangkak

Beberapa jeti nelayan di Sungai Muar yang menjadi lokasi popular memancing udang galah akan dijadikan tarikan agropelancongan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, langkah itu dapat membantu nelayan darat di kawasan ini meningkatkan pendapatan mereka.

Katanya, beberapa jeti nelayan seperti di Gerisek, Panchor, Bukit Kepong dan Renchong dikenali sebagai lokasi terbaik kaki pancing dan potensi ini perlu diperkasakan bagi memberi manfaat kepada penduduk setempat khususnya nelayan darat di kawasan berkenaan.

"Saya berasakan sudah tiba masanya bagi kementerian mempromosi secara besar-besaran lokasi terbabit supaya kawasan ini menjadi destinasi agropelancongan.

"Mereka boleh melaksanakan pelbagai kegiatan termasuk pertandingan memancing udang galah dan tidak mustahil dalam tempoh terdekat, kita boleh adakan pertandingan sama di peringkat antarabangsa.

"Ini kerana saya lihat keunikan Sungai Muar ini boleh membekalkan spesies udang galah secara konsisten pada masa tertentu dan ia sesuai untuk diangkat sebagai destinasi agro pelancongan di kawasan ini," katanya selepas menghadiri



SALAHUDDIN (dua dari kanan) melakukan gimik perasmian Pertandingan Memancing Udang Galah di Jeti Nelayan Gerisek, Tangkak.

Perkasa jeti nelayan darat

■ Lokasi popular kaki pancing jadi destinasi agropelancongan

Pertandingan Memancing Udang Galah Peringkat Kebangsaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Sultan Johor di Jeti Nelayan Gerisek, di sini, semalam.

Hadir sama, Pegawai Daerah Tangkak, Mahadon Marnin dan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi.

Salahuddin berkata, justeru beliau akan memastikan kementerriannya memberi bantuan dan insentif diperlukan supaya jeti nelayan berkenaan akan muncul sebagai destinasi agropelancongan terkenal di negara ini.

"Selain itu, spesies udang galah yang ada di Sungai

Muar dikategorikan antara terbaik di negara ini dapat menarik perhatian kaki pancing ke kawasan ini. Saya yakin dengan bantuan kementerrian termasuk teknologi ternakan udang galah yang kami lepaskan semula

dalam sungai akan dapat memperkasakan sektor ini.

"Ia adalah usaha pemodenan dalam sektor ini dan apa yang penting, saya gembira pendapatan nelayan akan bertambah. Difahamkan, bagi udang galah bagi gred C, nelayan boleh meraih pendapatan RM70 hingga RM80 satu kilogram dan RM100 sekilogram bagi Gred A.

"Selain itu, kami akan bekerjasama dengan Jabatan

Alam Sekitar (JAS) supaya kelestarian sungai ini terpelihara daripada pencemaran supaya kita dapat kekalkan spesies udang galah ini dan seterusnya membolehkan nelayan menambah pendapatan mereka," katanya.

Ditanya mengenai fenomena penerobosan air masin yang turut mengancam habitat haiwan akuatik di Sungai Muar, beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli bagi mencari penyelesaian isu berkenaan.

"Saya juga diberikan taklimat, kekurangan hujan pada musim kemarau akan menyebabkan kemasukan air masin melebihi standard biasa. Saya rasa kerjasama dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli akan diadakan supaya kami dapat melihat perkara itu dan mencari kaedah untuk mengatasinya," katanya.

FAKTA
Nelayan boleh raih RM100 sekilogram bagi udang galah Gred A

15/4/2019

BERITA
HARIAN

ISU

16

→ ISU

Jeti nelayan jadi tarikan agropelancongan

Lokasi pancing udang galah bakal dipromosi, jana pendapatan penduduk

Oleh **Badrul Kamal Zakaria**
badrulkamal@bh.com.my

■ Tangkak

Beberapa jeti nelayan di Sungai Muar yang menjadi lokasi popular aktiviti memancing udang galah diangkat menjadi tarikan agropelancongan terkemuka negara pada masa akan datang.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, berkata ia sekali gus dapat mem-

bantu nelayan di kawasan ini meningkatkan pendapatan mereka.

Katanya, beberapa jeti nelayan seperti Gerisek, Panchor, Bukit Kemping dan Renchong sudah dikenali sebagai lokasi terbaik bagi kaki pancing untuk menangkap udang galah dan potensi ini perlu diperkatakan bagi memberi manfaat yang besar kepada penduduk setempat, khususnya nelayan darat di kawasan berkenaan.

"Saya berasakan sudah sampai masa Kementerian mempromosi secara besar-besaran lokasi terba-



[FOTO ADI SAFRI /BH]

Salahuddin (dua dari kanan) pada perasmian Pertandingan Memancing Udang Galah Perringkat Kebangsaan di Jeti Nelayan Gerisek, Tangkak, semalam.

bit supaya kawasan ini menjadi destinasi agropelancongan.

"Mereka boleh melaksanakan pelbagai kegiatan termasuk pertandingan memancing udang galah dan tidak mustahil dalam tempoh terdekat, kita boleh adakan pertandingan sama pada peringkat antarabangsa pula.

Manfaat keunikan Sungai Muar

"Saya lihat keunikan Sungai Muar ini boleh membekalkan spesies udang galah secara konsisten pada masa tertentu dan ia sesuai untuk diangkat sebagai destinasi agropelancongan di kawasan ini," katanya selepas menghadiri Pertandingan Memancing Udang Galah Perring-

kat Kebangsaan Sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Sultan Johor di Jeti Nelayan Gerisek di sini, semalam.

Salahuddin berkata, beliau akan memastikan kementerian akan memberi bantuan dan insentif supaya jeti nelayan berkenaan akan muncul sebagai destinasi agropelancongan terkenal.

"Spesies udang galah dalam kategori terbaik di Sungai Muar akan dapat menarik perhatian kaki pancing dan saya yakin dengan bantuan Kementerian termaasuk teknologi ternakan udang galah yang kita lepaskan semula akan dapat memperkasakan lagi sektor ini.

"Ia adalah usaha pemodenan dalam sektor ini dan apa yang pen-

ting, saya gembira mendapatkan nelayan akan bertambah. Difahaman, bagi udang galah gred C nelayan meraih pendapatan antara RM70 hingga RM80 sekilogram dan RM100 ke atas bagi gred A.

"Kita juga akan bekerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) supaya kelestarian sungai terpelihara daripada pencemaran supaya kita dapat kekalkan spesies udang galah ini," katanya.

Ditanya mengenai fenomena penerbosan air masin yang turut mengancam habitat haiwan akuatik di Sungai Muar, beliau berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli bagi mencari penyelesaian isu berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2019	THE MALAYSIAN INSIGHT	ONLINE	

Agriculture ministry to promote Muar river as agro-tourism hub



Salahuddin Ayub the giant freshwater prawn species in the Muar river is of high quality. – The Malaysian Insight file pic, April 14, 2019.

THE Agriculture and Agro-Based Industry Ministry will escalate efforts to promote four fishermen's jetties along the Muar river as an agro-tourism product as their surrounding areas are popular giant freshwater prawns fishing destination.

Its minister Salahuddin Ayub said that the four jetties were Grisek, Panchor, Bukit Kepong and Renchong, which could consistently land the giant freshwater prawns resource during certain seasons.



(From left) Khalid, Salahuddin and his deputy Sim Tze Tzin at the launch of Goodday's milk processing plant in Meru, Klang.

Promising growth for milk industry

Company's initiatives offer greater expansion of local dairy production

ETIKA Holdings will initiate commercial processing of fresh milk with a foreign direct investment (FDI) company of more than RM100mil in a move to drive the dairy industry forward.

The halal Beverage company is also collaborating with Koperasi Penternak Lembu Tenusu Negeri Johor Bhd as part of its corporate social responsibility to provide additional incentives to local cattle breeders.

Etika is supplying the cooperative cooling tanks that can hold larger volumes of milk, which allow breeders to increase their livestock and milk production.

Etika will sign a memorandum of understanding (MOU) with Saujana Feedmill & Agro Tech Sdn Bhd, Indahraya International Ventures Sdn Bhd, DDS Daily Fresh Milk and MADAC Sdn Bhd for livestock breeders and agropreneurs in Meru, Klang, to supply fresh milk to Etika Dairies Sdn Bhd.

Etika will also work with Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd to contribute packets of fresh milk to children at school cooperatives in Johor.

The Goodday Milk Programme is an Etika initiative to educate young children on the importance of drinking milk as well as to promote the health and well-being of the nation's children.

Etika made these announcements during a visit by Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub to its commercial fresh milk processing plant in Meru recently.

Etika Holdings (Malaysia, Singapore and Brunei) chief executive officer Khalid Aliy took Salahuddin on a tour of Etika's dairy operations and supply chains for Goodday Milk.

"Milk and other dairy products are a vital part of a balanced diet and we want to encourage our people to consume milk and milk products daily," said Salahuddin.

"The local dairy industry

ensures that the rakyat will not only get top-quality milk but also opens up many job opportunities.

"The Government believes that the agricultural sector, and in this instance dairy farming, will help grow the Malaysian economy. As such, we are happy to support Etika in its endeavours to further invest in our local dairy industry," he said.

With more than 1,700 employees and 40,000 retail partners across the country, Etika has been one of the leading contributors to Malaysia's dairy industry for more than five decades with Goodday Milk.

"Our local farmers and cattle breeders are the future of agriculture. Businesses like us along with the Government should give them the support they need to increase productivity, efficiency and grow our local dairy export businesses," said Khalid.

According to a report published on Malaysia's agricultural sector, local liquid milk production covers only about 5% of domestic needs.

The rise in industrialisation and education has led to a more health-conscious population and a rise in demand for dairy products, driving the Government and local milk operations to undertake initiatives that can increase self-sufficiency of the dairy industry.

The initiatives by Etika will directly benefit local cattle breeders and associated businesses by helping them to advance, thus creating room for economic growth.

This is also in line with the Government's plan to ensure food security, increase rural economic development and encourage domestic investment and international trade.

Khalid said that such initiatives would in the long run attract private and international investments to develop strong export businesses for locally produced dairy products, channelling more economic growth for the agriculture, livestock and dairy industries.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2019	KOSMO	GENK	25

GENK

EKSPRESI GENERASI KOSMO!

Kosmo!

• ISNIN 15 APRIL 2019



Pelajar Asasi UniKL Kendali Agrokids 4.0

Seramai 49 kanak-kanak didedahkan dengan konsep bidang pertanian di bandar dan kepentingan bahan semula jadi pada sesi cuti persekolahan baru-baru ini.

Implikasi sains dan teknologi dalam kehidupan

INFO Agrokids

- Mula dianjurkan pada 2017
- Bertujuan memberi pendedahan kepada generasi cilik dan muda terhadap teknologi bidang pertanian dan perikanan
- Selakal ini sudah empat kali program dijalankan
- Pernah bekerjasama dengan Planetarium Negara, Pusat Sains Negara, Masep Agro Tourism Park dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

KELIHATAN beberapa orang kanak-kanak sedang tekun memasukkan tanah ke dalam botol minuman yang dikosongkan.

Sambil tangan kanan mengaut tanah dengan menggunakan sudu yang disediakan, kanak-kanak tadi turut mendengar arahan daripada fasilitator.

Sekali mereka meminta bantuan daripada fasilitator masing-masing bagi memastikan tanaman hidroponik yang dilakukan menjadi.

Fasilitator yang terdiri daripada pelajar Asasi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) pula begitu tekun menerangkan langkah-langkah penanaman hidroponik kepada kanak-kanak cilik berkenaan.

Seramai 49 orang kanak-



FASILITATOR mengajar cara membuat sabun melalui eksperimen ringkas.

kanak berumur antara lima hingga 11 tahun menyertai Program Agrokids Volume 4.0 Where Science and Nature Applied anjuran Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dengan kerjasama pelajar Asasi UniKL di Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Menurut pelajar Asasi Sains dan Teknologi UniKL, Tuan Muhammad Muqri Tuan Kamaruzani, 19, objektif penganjuran program itu bertujuan memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang implikasi sains dan teknologi dalam kehidupan.

"Menerusi pengetahuan yang kami ada, kami kongsi bersama kanak-kanak ini dengan mendedahkan mereka tentang aktiviti menggunakan sains ringkas.

"Antaranya seperti melakukan tanaman hidroponik, mewarna baju dan membuat sabun," katanya ketika ditemui pada program berkenaan di bangunan Nafas, Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

Seramai 10 orang pelajar Asasi UniKL terlibat pada penganjuran program tersebut.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah Me and Hydroponic yang dilakukan bersama wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Easy Plesy Soap, Rock Painting, Kids Amazing

Experiments dan Work-on My T-shirt.

Program dimulakan seawal pukul 7.30 pagi dengan para peserta bersama pelajar UniKL berkumpul untuk memulakan sesi pendaftaran diikuti dengan senam robik.

Hidroponik

Kemudian aktiviti pertama dimulakan dengan pembahagian kumpulan. Setiap fasilitator ditugaskan untuk menjaga lima orang kanak-kanak.

Fasilitator program, Nur Hazimah Khadrul, 19, berkata, aktiviti seumpama itu memberinya peluang untuk melatih diri menjadi seorang fasilitator yang baik.

"Program ini melatih saya untuk mengendalikan kanak-kanak serta menerangkan kepada mereka mengenai fungsi dan kegunaan setiap bahan.

"Seronok apabila bukan kanak-kanak ini sahaja yang dapat menambah ilmu pengetahuan malah saya sendiri berpeluang membuat sabun dan tanaman hidroponik yang sebelum ini tidak pernah dilakukan," ujarnya.

Tambah Nur Hazimah yang

KANAK-KANAK ini tekun melihat cara pembuatan sabun dengan cara semula jadi.

ingin melanjutkan pelajaran dalam bidang veterinar, semasa melakukan latihan praktikal bersama kanak-kanak, dia turut mendapat ilmu tentang cara-cara melakukan pertanian bandar.

Ujarnya, sebelum ini dia tidak berpeluang untuk mempelajari teknik penanaman hidroponik, namun selepas mendengar taklimat daripada wakil Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, baharu dia mengetahui cara yang betul untuk melakukan penanaman hidroponik berkenaan.

Sementara itu, Ketua Projek Program Agrokids Volume 4.0, Nor Izzati Kamalrudin, 29, berkata, tema sains dan alam sekitar dipilih bagi memperkenalkan kanak-kanak dan mahasiswa

tentang kepentingan tumbuhan dan fungsinya pada kehidupan seharian. "Melalui program ini, kita dapat menjalin hubungan kerjasama bersama kanak-kanak cilik dan mahasiswa bagi meningkatkan kesedaran terhadap implikasi sains dan teknologi kepada bidang pertanian.

"Selain itu, ia juga dapat meningkatkan kemampuan asas kanak-kanak ini untuk menjadi lebih kreatif dan berinovasi serta dalam masa yang sama mendedahkan kepada pelajar UniKL bagaimana cara menjadi fasilitator yang bertanggungjawab," tuturnya.

Program Agrokids anjuran Nafas itu merupakan program tahunan yang dilakukan sekali atau dua kali dalam setahun.

Sebelum ini, program Agrokids telah dilakukan di beberapa lokasi antaranya pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Antarabangsa (MAHA) 2018.



PROGRAM ini memberi pendedahan kepada kanak-kanak tentang implikasi sains dan teknologi dalam kehidupan.



NOR IZZATI



TUAN MUHAMMAD



NUR HAZIMAH



Bekas wartawan tanam vanilla



POD vanilla yang telah dipetik.



CUACA di Malaysia sesuai untuk penanaman vanilla.

JIKA 12 tahun lepas mata pena menjadi 'senjata' utamanya untuk mencari rezeki dan bidang pertanian pula sumber pendapatan sampingan, kini lain pula ceritanya apabila Mohamad Feisal Mohamad Norawi bertekad menjadikan penanaman vanilla sebagai punca utama pendapatan. Pengusaha berusia 37 tahun itu yang pernah bertugas sebagai wartawan sebuah akhbar tempatan memutuskan untuk menukar kerjaya pada tahun lepas setelah lelah melayan kerenah manusia sekali pun terpaksa berjemur di bawah panas terik matahari dan 'berperang' dengan nyamuk serta haiwan liar lain.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Penyiaran) dan Diploma Pembangunan Manusia Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, minatnya untuk menanam vanilla tercetus selepas menamatkan pengajian pada 2006.

"Semasa itu saya menyenaraikan beberapa jenis tanaman yang boleh diusahakan di atas sebidang tanah milik keluarga berkeluasan 1.2 hektar di Kampung Bangau Parit,

INFO

- Sejenis tumbuhan keluarga orkid yang berasal dari Mexico dan kini banyak ditanam di kawasan tropika.
- Vanilla telah ditemui oleh orang Sepanyol yang diketuai oleh Bernal Diaz del Castillo pada 1952.
- Tumbuh segar dan berbunga apabila ditanam di Eropah pada 1721 tetapi tidak berbuah kerana gagal dalam pendebungaan.

- **Nama Saintifik:** *Vanilla planifolia*
- **Famili:** Orchidaceae
- **Asal:** Mexico

Temerloh.

"Saya mendapati tanaman vanilla berpotensi tinggi untuk diusahakan memandangkan masih belum ada sesiapa mengusahakannya secara komersial di negara ini," katanya.

Berbekalkan modal RM20,000 hasil simpanan semasa bekerja sambil di sebuah hotel ketika belajar

serta pinjaman daripada keluarga, Mohamad Feisal memulakan projek penanaman vanilla dengan bantuan sebuah syarikat swasta.

Walau bagaimanapun katanya, dia diuji apabila syarikat yang menjanjikan 1,000 anak benih vanilla lari selepas membekalkan hanya 400 anak benih. Masalah tersebut menyebabkan dia hampir berputus asa dan mendorongnya memohon pekerjaan di sebuah syarikat penerbitan akhbar di ibu negara.

Namun katanya, dia tetap mengkaji potensi vanilla yang merupakan spesies keluarga orkid dari Mexico dan memulakan semula projek pada 2010 secara sambilan. Sebelum itu dia mencari ilmu mengenai penanaman vanilla menerusi Internet selepas mendapati potensi tinggi tumbuhan tersebut yang mendapat permintaan dari luar negara.

Usahanya tidak sia-sia apabila pokok yang ditanam mengeluarkan hasil pada 2014 dan pembeli dari luar termasuk Amerika Syarikat, Singapura, Indonesia dan Jerman mula menghubunginya untuk mendapatkan bekalan bahan berkenaan.



MOHAMAD FEISAL MOHAMED NORAWI memeriksa pokok vanila di kebunnya di Kampung Bangau Parit, Temerloh.

Katanya, walaupun negara seperti Indonesia, Papua New Guinea dan Madagascar merupakan negara pengeluar utama, tanaman itu tidak dapat diusahakan secara komersial kerana faktor kepakaran, tiada sokongan kerajaan selain sering menghadapi bencana alam.

Berikutan itu, dia nekad berhenti kerja pada awal tahun lepas dan memberi sepenuh perhatian kepada tanaman vanila yang dikomersialkan di bawah jenama Anani Vanilla Temerloh.

"Kini saya mempunyai 2,500 pokok vanila di kebun pertama yang diusahakan secara konvensional.

"Saya merancang menambah 1,500 pokok dalam masa terdekat yang akan ditanam menggunakan kaedah moden iaitu menggunakan jaring pelindung," katanya yang menambah idangnya

turut menjadi rujukan agensi kerajaan dan institusi pendidikan tinggi.

Mohamad Feisal berkata, pokok vanila hanya memerlukan 30 hingga 40 peratus cahaya matahari dan kelembapan 60 hingga 80 peratus, menjadikannya tanaman yang sesuai di negara ini.

Tempoh matangnya juga singkat dan biasanya pod vanila mula boleh dituai dalam tempoh lapan bulan selepas berbunga dan perlu dikeringkan selama sebulan sebelum boleh dijual.

Walaupun tanamannya belum lagi memberikan hasil penuh, Mohamad Feisal kini boleh tersenyum kerana pulangan jangka panjang yang lumayan berikutan harga vanila di pasaran dunia semakin meningkat dan boleh mencecah RM2,000 sekilogram. - **BERNAMA**



MELAKUKAN kerja-kerja rutin seharian menjadi amalan sejak berkecimpung dalam penanaman vanila.



GERAI Muhammad Azrin Bazar Nanas, Selabak, Teluk Intan, Perak.

Kebun nanas sumber rezeki

KAMPUNG Selabak, Teluk Intan, Perak sememangnya terkenal sebagai pengeluar hasil nanas sejak lebih 60 tahun lalu apabila penduduknya berketurunan Jawa yang berasal dari Johor mula mendiami kawasan berkenaan.

Kebanyakan mereka yang tinggal di situ mendapati tanah gambutnya sesuai dengan tanaman nanas.

Sejak itu tanaman nanas semakin melebar dan ia merupakan pendapatan utama penduduk tempatan di situ ketika itu.

Tanaman nanas yang diwarisi turun temurun itu masih diteruskan generasi muda walaupun ia bukan lagi menjadi tumpuan penduduk tempatan akibat pembangunan pesat dalam sektor lain di sekitarnya.

Anak muda tempatan lebih gemar bekerja di luar kawasan terutama mereka yang berpendidikan tinggi. Peniaga gerai nanas di nombor 9, Bazar Nanas, Kampung Selabak, Teluk Intan, Perak, **Muhammad Azrin Ngadeni**, 26, berkata, dia menjual antara 300 hingga 400 nanas sebulan selain buah-buahan lain seperti pisang, cempedak, mempelam dan jambu.

Antara jenis nanas yang dijualnya ialah morris, josepine, madu (*kristal hunny*), MD2, nanas sarawak dan yankee.

Menurutnya, harga nanas jenis moris dan laici biasanya ditentukan mengikut saiz, kualiti dan grednya.

"Bagi nanas jenis madu



MUHAMMAD AZRIN NGADENI memaparkan buah nanas yang dijumbanya.

dan MD2 dijual mengikut berat timbangannya iaitu harga sekilogram antara RM4 hingga RM5.

Dia mendapatkan bekalan nanas daripada pembekal yang juga penanam tempatan selain pemborong.

Kebanyakan pelanggannya adalah penduduk pekan Teluk Intan, jiran kawasan sekitar, kakitangan kerajaan bekerja di situ dan pelancong yang datang pada musim perayaan atau cuti umum.

"Sambutan pelanggan tidak menentu dan sering bergantung kepada banyaknya jumlah keluaran apabila tiba musim buah nanas.

"Pada musim berlakunya lambakan buah nanas, saya berjaya menjual antara 1,000

hingga 2,000 biji sebulan di samping harganya lebih murah dan sering menjadi tumpuan pelanggan," katanya.

Muhammad Azrin berkata, hasil jualannya merosot apabila tiba musim hujan yang biasanya menghalang pelanggan singgah di situ.

Menurutnya, jalan baharu yang dibina menuju Bagan Datuk dan Lumut turut menjejaskan jualan nanas di kawasan berkenaan.

Namun dia tetap bersyukur kepada Allah kerana orang ramai tahu kawasan berkenaan adalah pengeluar hasil nanas terkemuka di Teluk Intan suatu masa dahulu dan sehingga kini masih boleh bertahan sebagai tanaman tradisional penduduk tempatan.